

TRANSKRIP SIDANG MEDIA YAB TPM DAN MENTERI KKDW

22 FEBRUARI 2024

Saya merasakan bahawa promosi terhadap produk-produk halal daripada Malaysia sangat-sangat diperlukan bagi menjangkau cakupan pasaran Halal di Jepun. Kita sama-sama mengetahui bahawa setiap tahun terdapat kira-kira 10 ribu orang Jepun yang memeluk agama Islam. Walaupun kini angka orang Islam di Jepun berjumlah 120 ribu, tetapi untuk jangkaan 10 tahun mendatang, kita merasakan bahawa unjurannya adalah melebihi 200 ribu orang. Jepun juga bukan hanya menyasarkan kepada pasaran untuk orang-orang Islam di Jepun ini. Tetapi mereka dapat menjangkakan bahawa pelancong-pelancong daripada negara-negara Islam, yang mula dipromosikan sejak daripada Sukan Olimpik, apatah lagi ada Expo Osaka 2025 di mana mereka menjangkakan seramai 28 juta pelancong ataupun pempamer akan datang ke Osaka sahaja dan tentunya mereka menjangkakan bahawa sebahagiannya adalah daripada pelancong-pelancong atau "exhibitors" orang-orang Islam jadi mereka mengharapkan agar dipermudahkan kemasukkan barangan halal terutamanya daripada Malaysia dan kita akan membantu di negara kita bagi mempermudah eksport, terutamanya, mereka memerlukan "ingredient" atau ramuan barang-barang halal daripada Malaysia kerana mereka dapati bahawa untuk mengeluarkan produk halal, mereka memerlukan ramuan atau bahan-bahan untuk dijadikan sebagai ramuan utama di dalam pengeluaran rempahan itu.

Pada tahun 2022 umpamanya, eksport halal eksport daripada Malaysia keseluruhannya bernilai kira-kira RM59.6 bilion. Daripada itu, kita dapati RM3.6 bilion adalah produk-produk halal, iaitu "food and beverages" ke Jepun. Daripada jumlah itu, RM1.87 bilion merupakan "ingredient" ataupun ramuan, bahan-bahan ramuan untuk pengeluaran produk-produk halal di Jepun ini sendiri. Dan tentunya saya mengharapkan usahawan-usahawan mikro kecil dan sederhana untuk bersama-sama menerokai pasaran di Jepun ini dan terutamanya untuk tahun hadapan, mereka sangat memerlukan banyak bahan-bahan daripada Malaysia. Dan saya juga akan berbincang dengan SDC dan MITI bagi mempromosikan bahan-bahan daripada Malaysia ini.

Menyentuh tentang "ingredients" atau ramuan atau bahan-bahan yang digunakan untuk pengeluaran, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, di mana di sana terdapat kira-kira 15 ribu kampung di bawah kementerian. Satu kampung, satu produk. Jadi kita sedang menyusun agar "ingredient-ingredient" ini dikeluarkan oleh beberapa kampung tertentu. Untuk diintegrasikan bagi menerokai pasaran di Jepun dan di negara lain. Dan kita dapati contohnya, serai keperluan mereka adalah terlalu besar untuk penggunaan bahan-bahan kosmetik dan juga bahan-bahan perubatan herba. Tetapi kita tidak cukup pengeluarannya jadi, usaha-usaha secara berintegrasi ini mesti dilakukan secara berstruktur agar bekalan yang konsisten ini dapat dibuat terutama pasaran yang terlalu besar di sini dan beberapa negara lain.

Begitu juga kita lihat ya terdapat pihak bank di Jepun sendiri yang telah memberikan pembiayaan untuk syarikat-syarikat tempatan Jepun bagi mengimport dan bagi mengeluarkan bahan-bahan halal di Jepun ini dan tentunya usaha sama oleh HDC dan Nippon atau Japan Halal Association ini dapat menjalinkan satu kerjasama yang erat bagi mempromosikan dan memasakkan barang-barang tempatan. Saya juga telah dapat bersama dengan rakan-rakan dan rombongan melawat pusat penyembelihan halal di Sanda, Kobe di Osaka ini, di mana kita dapati bahawa pihak Jabatan Veterinar Malaysia telah memberikan kelulusan sejak beberapa-beberapa tahun yang lalu dan di sini terdapat 6 agensi dan Persatuan Islam yang telah mengeluarkan sijil-sijil halal yang diiktiraf oleh JAKIM. Dan saya mengharapkan oleh kerana permintaan terlalu besar, bukan sahaja di Malaysia, tetapi untuk negara-negara Islam yang lain, terhadap daging halal, Kobe dan juga Wagyu ini, saya lihat tadi cuma terdapat seorang penyembelih daripada Malaysia dulunya ada dua orang dan ada seorang daripada negara jiran. Mereka sebenarnya berbisik kepada saya memerlukan ramai lagi yang pakar dalam penyembelihan ini untuk membantu mereka kerana permintaannya besar, tetapi bekalan ataupun mereka yang bekerja ini cuma seorang saja, dan mungkin saya boleh berbincang agar salah satu daripada institusi TVET kita dapat melatih penyembelih halal ini untuk ditempatkan di sini. Dan saya dapat tahu bahawa gaji yang ditawarkan sangat-sangat lumayan. Dan saya lihat dari segi teknologi penggunaan pusat penyembelihan ini sangat-sangat canggih dan sangat bersih dan kita belajar daripada apa yang mereka lakukan dan bagi saya, pusat penyembelihan di Malaysia, juga harus diaktifkan semula dulu kita dengar ada di pusatkan "centralize" di Shah Alam, dan kita harap usaha-usaha ini dapat dijalankan semula dengan menggunakan teknologi, kaedah dan juga cara halal yang telah diterima oleh negara-negara Islam untuk produk daging halal daripada Jepun ini, khususnya untuk daging Kobe dan juga daging Wagyu.

Walaupun saya belum mendapat perangkaan "statistic" tahun 2023 tapi dijangkakan kenaikan sebanyak 10 peratus daripada tahun yang lalu, ertinya, Kita akan melihat lonjakan lebih banyak lagi pada tahun 2024 kerana persediaan mereka untuk menerima pengunjung-pengunjung dan pempamer daripada negara Islam ketika World Osaka Expo 2025 dan kita mesti bersedia juga berebut peluang ini untuk mengeksport produk-produk halal kita daripada Malaysia

Ya, telah mula dilaksanakan, tetapi saya mencadangkan agar diintegrasikan kerana satu kampung sahaja tidak mencukupi mungkin dicampurkan 50 hingga 100 kampung untuk mengeluarkan produk yang sama. Tidak semestinya mengeluarkan produk yang digunakan ertinya "end product". Tetapi "ingredient" itu telah memudahkan sebenarnya kerana permintaannya banyak dan kita harus mengambil peluang ini. Bukan sekadar serai ada umpamanya permintaan bekalan terhadap daun durian Belanda itu adalah untuk herba di sini dan juga di pasaran Europe dan US tapi tidak cukup jadi usaha-usaha atas bantuan yang akan diberikan jumlahnya sebanyak RM1 bilion yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ini akan memanfaatkan seluruh 15 ribu kampung di seluruh negara. Dan saya akan gunakan, peluang ini untuk meminta pegawai-pegawai saya dan juga pegawai-pegawai daripada lain-lain jabatan dan agensi untuk menggalakkan orang kampung bagi pengeluaran produk ramuan atau "ingredient" tadi untuk diintegrasikan bagi dipasarkan ke luar negara.